



## Isu Puasa Sunat Hari Arafah

Seluruh umat Islam menyambut Hari Raya 'Idul Adha pada setiap 10 Zulhijjah mengikut kalendar Hijri. Manakala sehari sebelum perayaan iaitu 9 Zulhijjah, terdapat hari istimewa buat umat Islam yang dikenali sebagai hari Arafah, di mana mereka yang mengerjakan haji di Mekah akan berwukuf di padang Arafah. Digalakkan bagi umat Islam yang tidak mengerjakan haji untuk berpuasa sunat hari Arafah. Perkara ini menjadi persoalan bagi segelintir masyarakat berkenaan puasa sunat hari Arafah perlu dilakukan mengikut tarikh di Mekah atau di Malaysia? Bagaimana pula waktu mustajab doa sama ada mengikut hari Arafah di negara kita atau mengikut waktu jemaah haji berwukuf di Arafah?

### Kelebihan Hari Arafah

Berpuasa sunat hari Arafah dapat menghapuskan dosa setahun sebelum dan selepas. Daripada Abu Qatadah R.A. bahawa Rasulullah SAW bersabda:<sup>1</sup>

صِيَامُ يَوْمِ عَرَفَةَ إِنِّي أُحْسِبُ عَلَى اللَّهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ وَالسَّنَةَ الَّتِي بَعْدَهُ<sup>2</sup>

**Maksudnya:** Puasa hari Arafah, aku berharap kepada Allah supaya ia dapat menghapuskan dosa-dosa setahun sebelumnya dan juga tahun sesudahnya.

(Riwayat Muslim)

Imam al-Nawawi menghuraikan maksud dosa-dosa yang diampunkan oleh Allah SWT:

قال النووي: قالوا: المراد بالذنوب الصغائر، وإن لم تكن الصغائر يرجى تخفيف الكبائر،

فإن لم تكن رفعت الدرجات<sup>3</sup>

**Maksudnya:** Kata al-Nawawi: Maksud dosa-dosa (yang diampunkan) ialah dosa-dosa kecil, sekiranya bukan dosa-dosa kecil maka moga-

<sup>1</sup> Abu Husayn Muslim Bin Al-Hajjāj bin Muslim Al-Qusyairi Al-Nisāburi (m. 261 H), Sahih Muslim. Turki: Dar Al-Tibā'ah Al-'Amārah. 1915M/1334 H. Hadis no. 1162.

<sup>2</sup> Muhammad bin 'Isā bin Sawrah bin Mūsā bin al-Dahāk, al-Tirmizī, Abū 'Isā, (1975M/ 1395H), *Sunan al-Tirmizī*, (Mesir: Syarikah Maktabah wā Maṭba'ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabīy), Hadis no 749, Jil. 3, ms. 115. Abū al-Ḥusain Muslim bin al-Hujāj bin Muslim al-Qusyairī al-Naysābūrī, *Ṣahīḥ al-Imām Muslim*, (Turki: Dār al-Tabā'ah al-'Āmirah, 1334H/1916M), No. 1162, Jil. 3, ms. 167.

<sup>3</sup> Abū al-Ḥusain Muslim bin al-Hujāj bin Muslim al-Qusyairī al-Naysābūrī, (1999M/ 1420H), *Manah al-Mun'im fi Syarḥ Ṣahīḥ Muslim*, (Riyadh: Dār al-Salām li al-Nasyr wā al-Tawzī'), Jil. 2, ms. 199.

moga Allah SWT meringankan dosa-dosa besar. Sekiranya bukan, moga-moga Allah SWT mengangkat darjat-darjat.

Malah, Baginda SAW sendiri melazimi puasa pada hari Arafah sebagaimana Sabda Nabi SAW:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ لَا يَدَعُ صِيَامَ تِسْعِ ذِي الْحِجَّةِ<sup>4</sup>

**Maksudnya:** Bahawa Nabi SAW tidak meninggalkan puasa 9 Zulhijjah.

(Riwayat Abu Daud)

Disunatkan juga berpuasa pada hari Tarwiyah iaitu pada 8 Zulhijjah. Perkara ini disebutkan oleh Imam al-Khatib:<sup>5</sup>

وَيُسْنُ أَيضًا صَوْمُ الثَّمَانِيَةِ أَيَّامَ قَبْلِ يَوْمِ عَرَفَةَ كَمَا صَرَّحَ بِهِ فِي الرَّؤُوسَةِ وَلَمْ يُخَصَّ بِغَيْرِ الْحَاجِّ،

فَيُسْنُ صَوْمَهَا لِلْحَاجِّ وَغَيْرِهِ

**Maksudnya:** Disunatkan juga berpuasa pada hari kelapan (8 Zulhijjah) sebelum hari Arafah sebagaimana yang disebutkan dalam al-Raudah, dan puasa ini tidak dikhususkan kepada orang selain haji. Maka disunatkan untuk berpuasa (8 Zulhijjah) ini bagi jemaah haji dan juga yang tidak mengerjakan haji.

### Doa Mustajab Hari Arafah

Hari Arafah juga merupakan hari yang dimustajabkan doa sebagaimana hadis daripada 'Amr bin Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya, Nabi SAW bersabda:

خَيْرُ الدُّعَاءِ دُعَاءُ يَوْمِ عَرَفَةَ وَخَيْرُ مَا قُلْتُ أَنَا وَالتَّائِبُونَ مِنْ قَبْلِي:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ<sup>6</sup>

**Maksudnya:** Sebaik-baik doa adalah doa pada hari Arafah. Sebaik-baik zikir yang aku ucapkan dan juga diucapkan para nabi sebelumku adalah: *Lā ilāha illa Allāhu Waḥdahu Lā Syaṛka Lahu, Lahu al-Mulk wa Lahu al-Hamd Wa Huwa 'Alā Kullī Syai'in Qadīr.*

(Riwayat al-Tirmizi)

<sup>4</sup> Abu Dawud al-Asha'ath al-Azdi Al-Sijistani (m. 275H). Sunan Abu Dawud. Dar Risalah al-'Alamiyyah. 2009. Hadis no. 2438.

<sup>5</sup> Al-Khātib Al-Sharbīnī Al-Shafī (1994M/1415H). *Mughnī Al-Muhtāj Ila Al-Ma'rifati Ma'ānī Al-Alfāz Al-Minhāj*. Jil. 2, ms. 182.

<sup>6</sup> Abū Isā Al-Tirmizī. (1975). Sunān Al-Tirmizī. Maktabah Muṣṭafā Al-Bābi Al-Halabi, Mesir. Edisi kedua, no. hadis: 3585.

Fadilat doa mustajab ini adalah bersifat umum kepada jemaah haji dan juga bagi mereka yang tidak menunaikan haji. Bagi mereka yang tidak berada di padang Arafah, waktu mustajab doa adalah **pada 9 Zulhijjah** iaitu **sepanjang hari Arafah (bermula pada waktu Maghrib 9 Zulhijjah hingga masuk waktu Maghrib malam raya)** tanpa dikhususkan waktu tertentu seperti sewaktu jemaah haji berwukuf di padang Arafah. Hal ini kerana zahir lafaz hadis tersebut menyebutkan hari Arafah secara umum tanpa mengkhususkan waktu berwukuf sebagaimana yang disebut oleh kebanyakan ulama.<sup>7</sup>

### **Doa Hari Arafah**

Selain daripada doa yang disebutkan di atas. Antara *kaiffiat* doa yang boleh diamalkan bersempena dengan hari Arafah ialah:

- Pujian kepada Allah SWT
- Berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW
- Beristighfar kepada Allah SWT
- Memperbanyakkan zikir: *Lā Ilāha Illa Allāhu Waḥdahu Lā Syarīka Lahu...*
- Berdoa dengan mana-mana doa bagi memohon apa-apa hajat yang diinginkan
- Menutup doa dengan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW
- Pujian kepada Allah SWT

### **Perbezaan Hari Arafah Mengikut Negara**

Perbezaan ketetapan hari raya dalam bulan Islam adalah disebabkan oleh perbezaan matla' antara satu negara dengan negara yang lain. Perbezaan matla' ialah tempat terbit anak bulan dalam penentuan awal bulan.

Oleh itu, polemik penetapan puasa sunat Arafah seringkali menjadi isu kerana ia terjadi setiap tahun. Persoalannya, adakah perkiraannya mengikut anak bulan di sesebuah negara atau mengikut hari sebenar berlakunya wukuf di Arafah di Arab Saudi?

Menurut mazhab Syafi'i, perkiraannya adalah mengikut tempat kita berada dan hendaklah berpegang kepada keputusan yang diputuskan oleh pemerintah tempatan.

Perbezaan kedudukan antara kedua-dua negara ini iaitu Malaysia di sebelah timur dan Arab Saudi di sebelah barat menyebabkan berlakunya perbezaan dalam isu penampakan anak bulan. Bukanlah suatu yang luar biasa apabila di Malaysia anak bulan belum kelihatan, sedangkan di Saudi sudah kelihatan kerana Saudi berada di sebelah barat Malaysia dengan perbezaan jam yang tentunya menyebabkan umur bulan lebih matang sehingga lebih jelas untuk dilihat. Mazhab as-Syafi'i berpandangan bahawa apabila kelihatan anak bulan di sesebuah tempat, maka wajib berpuasa bagi negeri yang berhampiran akan tetapi bukan dalam negeri yang berjauhan disebabkan oleh perbezaan matla'. Daripada Muhammad bin Abi Harmalah:

---

<sup>7</sup> Abū Muḥamad Bin Aḥmad Bin Muḥamad Bin Qudāmah, Al-Mughnī, (Kaherah, Mesir: Maktabah Kaherah, 1969). Jil. 2, ms. 129.

أَخْبَرَنِي كُرَيْبٌ، أَنَّ أُمَّ الْفَضْلِ بِنْتَ الْحَارِثِ، بَعَثَتْهُ إِلَى مُعَاوِيَةَ بِالشَّامِ . قَالَ فَقَدِمْتُ الشَّامَ  
 فَقَضَيْتُ حَاجَتَهَا وَاسْتَهَلَّ عَلَيَّ هِلَالُ رَمَضَانَ وَأَنَا بِالشَّامِ فَرَأَيْنَا الْهِلَالَ لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ ثُمَّ قَدِمْتُ  
 الْمَدِينَةَ فِي آخِرِ الشَّهْرِ فَسَأَلَنِي ابْنُ عَبَّاسٍ ثُمَّ ذَكَرَ الْهِلَالَ فَقَالَ مَتَى رَأَيْتُمُ الْهِلَالَ فَقُلْتُ رَأَيْتَاهُ لَيْلَةَ  
 الْجُمُعَةِ . فَقَالَ أَنْتَ رَأَيْتَهُ لَيْلَةَ الْجُمُعَةِ فَقُلْتُ رَأَى النَّاسُ وَصَامُوا وَصَامَ مُعَاوِيَةُ . قَالَ لَكِنْ  
 رَأَيْتَاهُ لَيْلَةَ السَّبْتِ فَلَا نَزَالَ نَصُومٌ حَتَّى نُكْمَلَ ثَلَاثِينَ يَوْمًا أَوْ نَرَاهُ . فَقُلْتُ أَلَا تَكْتَفِي بِرُؤْيَا  
 مُعَاوِيَةَ وَصِيَامِهِ قَالَ لَا هَكَذَا أَمَرَنَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ<sup>8</sup>

**Maksudnya:** Dari Kuraib, bahawa dia pernah disuruh oleh Ummu Al-Fadhil binti Al-Harith untuk menemui Mu'awiyah yang berada di Syam. Kata Kuraib: Aku telah berangkat ke Syam bagi menyelesaikan keperluan di sana. Aku melihat hilal Ramadhan ketika aku masih di sana (Syam), tepat pada malam Jumaat. Maka sesampai aku di Madinah, di penghujung bulan tersebut, Abdullah ibn Abbas bertanya kepadaku: bila kamu melihat awal bulan Ramadhan itu? Aku menjawab: Pada malam Jumaat. Abdullah bin Abbas bertanya lagi: Betulkah kamu melihatnya pada malam itu? Jawabku lagi: Ya, dan banyak orang menyaksikan dan melihatnya. Maka mereka berpuasa seperti yang dilakukan oleh Mu'awiyah. Abdullah ibn Abbas berkata: Akan tetapi aku melihatnya pada malam Sabtu. Kerana itulah aku pun berpuasa setelah genap tiga puluh hari atau setelah melihat awal bulan Ramadhan. Aku bertanya: Tidakkah anda cukup mengikuti rukyah dan puasanya Mu'awiyah? Abdullah ibn Abbas berkata: Tidak. Demikianlah aku diperintahkan oleh Rasulullah SAW.

(Riwayat al-Tirmizi)

Justeru, kita hendaklah berpegang dengan ketetapan pemerintah dalam soal penetapan awal bulan Islam. Kata Imam al-Nawawi:

إِذَا رُئِيَ بِبَلَدٍ لَرِمَ حُكْمُهُ الْبَلَدَ الْقَرِيبَ دُونَ الْبَعِيدِ فِي الْأَصْحَحِ، وَالْبَعِيدُ مَسَافَةُ الْقَصْرِ، وَقِيلَ بِاخْتِلَافِ الْمَطَالِعِ،  
 قُلْتُ: هَذَا أَصَحُّ<sup>9</sup>

**Maksudnya:** Apabila anak bulan telah dilihat di suatu negeri, maka wajib bagi negeri yang berhampiran dengannya (turut berpuasa kerana telah masuk Ramadan) tetapi negeri yang berada berjauhan tidak wajib mengikut rukyah negeri tersebut menurut pandangan yang *asoh*. Kadar jauh ialah jarak harus diqasarkan solat. Menurut sebahagian ulama: Perbezaan matla'. Menurutku (Imam Nawawi): Ini adalah pandangan yang *asoh*.

<sup>8</sup> Abū Isā Al-Tirmizī. (1975). Sunān Al-Tirmizī. Maktabah Muṣṭafā Al-Bābi Al-Halabi, Mesir. Edisi kedua, no. hadis: 693.

<sup>9</sup> Shamsuddīn Muhammad Bin Ahmad Al-Khāṭib Al-Sharbīnī Al-Shafī' (m. 977H). Mughnī Al-Muhtāj Ila Al-Ma'rifati Ma'ānī Al-alfāz Al-Minhāj. Cairo, Egypt: Dār Al-Kutub Al-Islamiyyah. 1994M/1415H. Jil. 2, Ms. 145.

Kesimpulannya, berpuasa pada hari Arafah adalah pada 9 Zulhijjah mengikut tarikh yang diputuskan di negara masing-masing. Hal ini kerana setiap tempat adalah berbeza matla' (tempat terbit) yang mempengaruhi pengisytiharan awal bulan. Perbezaan tarikh bagi penetapan hari raya adalah perkara yang biasa berlaku. Manakala doa mustajab pada hari Arafah berlaku sepanjang hari tersebut mengikut negara masing-masing tanpa dikhususkan waktu-waktu tertentu.



**PROF. MADYA DR HJ. MISZAIRI BIN HJ. SITIRIS**

Timbalan Mufti Selangor